



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN *MOCK LED*
PROGRAM PEMASANGAN LAMPU JALAN KAMPUNG (LJK) TAHUN
2017 DI KAMPUNG GUAI, BERA, PAHANG**

KAMPUNG GUAI, BERA, PAHANG

**30 SEPTEMBER 2017 (SABTU)
WAKTU KETIBAAN : 9.00 MALAM**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Pertama sekali, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan perkenanNya, kita sama-sama dapat berada di Majlis Penyerahan *Mock LED (Light Emitting Diode)* bagi Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Tahun 2017, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang penuh makna ini khususnya bagi masyarakat setempat.

2. Kerajaan kita sememangnya sangat prihatin dan mengambil berat terhadap keperluan asas rakyat. Keprihatinan ini bukan hanya dizahirkan melalui ucapan, tetapi ianya diterjemahkan melalui komitmen berterusan terutamanya dalam aspek penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air bersih, bekalan elektrik, kemudahan jalan perhubungan dan juga kediaman yang sempurna. Tuan-puan para hadirin sekalian,

3. Kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah membelanjakan anggaran RM245 juta untuk pembiayaan lebih 317,000 unit LJK di seluruh Negara bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMKe-8) sehingga Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) Tahun 2016. Daripada jumlah ini, sejumlah 255,000 unit LJK telah dipasang di Semenanjung Malaysia, 31,811 unit di Sabah dan 27,259 unit di Sarawak.

4. Menerusi RMK ke-11 juga, kerajaan pimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak dalam ucapan Bajet Tahun 2017 pada 21 Oktober 2016 telah umumkan peruntukan berjumlah RM100 juta di bawah Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) seluruh negara bagi pemasangan kira-kira 120,000 unit LJK. Daripada jumlah ini, 6,333 unit LJK adalah jenis LED dan selebihnya dari jenis *High Pressure Sodium Vapour (HPSV)*.

5. Untuk makluman para hadirin, sasaran tumpuan atau lokasi pemasangan LJK jenis LED adalah di kawasan strategik umum dan simpang-simpang utama jalan. Inisiatif ini menjadikan kawasan-kawasan kampung yang mungkin dahulunya gelap, kini bercahaya seakan-akan seperti kawasan bandar.

6. Di sini saya juga ingin menarik perhatian para hadirin bahawa sejak tahun 2002 hingga 2016, pemasangan LJK jenis HPSV telah dibuat secara berfasa yang mana melibatkan Fasa 1 hingga Fasa 7 bagi Semenanjung dan negeri Sabah serta Fasa 1 hingga Fasa 5 bagi negeri Sarawak. Pada tahun ini, kita meneruskan Fasa 8

bagi pemasangan HPSV untuk Semenanjung dan negeri Sabah serta Fasa 6 untuk negeri Sarawak dalam membuktikan betapa caknanya Kerajaan terhadap keperluan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

Tuan- puan para hadirin sekalian,

7. Saya juga ingin nyatakan di sini bahawa Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan meneruskan usaha untuk pelaksanaan program ini kerana menyedari bahawa inisiatif menerangi kawasan kampung ini dapat membantu meningkatkan kesejahteraan hidup, meningkatkan pendapatan melalui aktiviti ekonomi setempat, mencegah kegiatan jenayah dan memperkasakan aktiviti modal insan. Manfaat-manfaat ini akan melahirkan penduduk luar bandar yang berdaya saing sekaligus membantu menyumbang kepada pengurangan bilangan miskin tegar di kalangan penduduk luar bandar.

8. Dengan kemudahan-kemudahan yang bukan lagi sekadar dengar-dengar di hujung telinga malah sudah berada di depan mata tuan-tuan dan puan-puan, saya rasa sewajarnya kita menanamkan rasa syukur dan menghargai usaha-usaha berterusan yang ditunjukkan oleh Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri. Oleh itu, sama-samalah kita beriltizam untuk terus menyokong pucuk pimpinan beliau yang sentiasa membela nasib rakyat tanpa termasuklah penduduk-penduduk di luar bandar.

9. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, khususnya kepada kepada Pejabat-pejabat Daerah, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri dan kepimpinan tempatan atas kerjasama yang diberikan dalam membantu Kementerian merealisasikan projek ini. Jalinan kerjasama yang erat amatlah diperlukan kerana agensi di peringkat daerah dan negerilah yang benar-benar mengenali dan memahami situasi sebenar penduduk di luar bandar. Diharapkan agar kerjasama ini terus utuh untuk manfaat penduduk kampung luar bandar yang berkemungkinan merupakan sebilangan besar daripada hadirin yang berada di depan saya dalam majlis ini.

10. Dengan lafaz kesyukuran, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penyerahan *Mock LED* bagi Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Tahun 2017 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.